



KHUTBAH KHAS AIDILADHA 1443H/2022M:

“IBRAH PENGORBANAN NABI IBRAHIM PENJANA MODAL INSAN CEMERLANG”

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ * اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ * اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ.

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ عِيدًا لِلْمُسْلِمِينَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ وَإِحْيَاءَهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ. أَشْهَدُ أَنْ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿ إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ ﴿٢﴾ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٣﴾

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ

Muslimin dan Muslimat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita memantapkan ketakwaan dan merafa'kan kesyukuran kita ke hadrat Allah SWT atas limpahan kasihNya, maka kita dapat merayakan 'Aidil Adha sekali lagi pada tahun ini. Sesungguhnya kedatangan perayaan ini mengingatkan kita kepada Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS, di atas pengorbanan mereka dalam menegakkan kalimah tauhid serta mereka menjadi contoh teladan yang unggul dalam aspek kesabaran, kesungguhan dan ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada perintah Allah SWT.

Sejarah perjuangan Nabi Ibrahim AS dalam membina kegemilangan ummah adalah bermula dari pembinaan modal insan diri yang kukuh dan seterusnya membina keluarga dengan tauhid yang tulus kepada Allah SWT, ibadah yang sah berdasarkan nas wahyu serta akhlak terpuji.

Pengajaran terpenting yang terkandung dalam sambutan Aidil Adha ini adalah pengorbanan secara holistik merupakan tunjang utama kepada kekuatan Islam. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**Ibrah Pengorbanan Nabi Ibrahim Penjana Modal Insan Cemerlang**”.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ اللَّهُ الْحَمْدُ

Para Jemaah Aidil Adha Yang Dimuliakan,

Aidil Adha atau Hari Raya Korban, atau dikenali sebagai Hari Raya Haji membawa falsafah pengorbanan melalui ibadah korban yang sekaligus menyeru umat Islam agar mempraktikkan pengorbanan dalam segenap dimensi kehidupan untuk mencapai keredhaan Allah SWT. Manusia sememangnya secara umumnya telah ditentukan dengan pelbagai cubaan di dunia berupa hawa nafsu dan segala keenakan, namun hanya orang-orang yang sanggup berkorban kerana Allah SWT sahaja akan terpilih sebagai insan mukmin yang sejati. Inilah ciri-ciri umat Nabi Muhammad SAW yang beriman kepada semua para Nabi dan Rasul yang diutuskan Allah SWT. Umat terulung yang memiliki modal insan yang unggul hendaklah mempelajari dan mengikuti jejak Nabi Ibrahim AS. Firman Allah SWT dalam ayat 68 Surah Ali 'Imran:

إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِإِبْرَاهِيمَ لَلَّذِينَ اتَّبَعُوهُ وَهَذَا النَّبِيُّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya; “Sesungguhnya orang yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutinya dan Nabi ini (Muhammad SAW), beserta orang-orang yang beriman (kepada Muhammad SAW), dan Allah adalah pelindung semua orang-orang yang beriman”.

Berdasarkan sirah, Rasulullah SAW sendiri telah melaksanakan ibadah korban dengan menyembelih dua ekor kibas yang cantik menarik, berwarna putih bersih bercampur hitam dan bertanduk. Rasulullah SAW juga menyembelih sendiri haiwan korban tersebut sebagai panduan sunat bagi umat terkemudian. Ingatlah bahawa ibadah korban yang dimaksudkan bukan hanya dengan menyembelih binatang ternakan semata-mata, bahkan tuntutan sebenar dari pelaksanaan korban ialah pada nilai keikhlasan, pengharapan, dan ketakwaan kepada Allah SWT. Sifat-sifat ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam firmanNya dalam Surah al-Hajj ayat 37:

﴿ لَنْ يَنَالَ اللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ

لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ ۗ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴾

Maksudnya : *“Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai (keredhaan) Allah, tetapi ketakwaan dari kamulah yang dapat mencapainya. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik”*.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Nabi Ibrahim AS adalah contoh insan terbilang yang berjaya membangunkan modal insan cemerlang dalam dirinya. Lantaran itu, Baginda dianugerahkan dengan gelaran **Khalitullah**, bermaksud Kekasih Allah. Modal Insan Baginda terbukti apabila mengamalkan kaedah logik pemikiran luar biasa atau "**di luar kotak**" dalam membenteras kegiatan penyembahan berhala dengan hujah dan kebijaksanaan akal Baginda. Allah SWT telah mengurniakan kepada Baginda petunjuk, justeru membina potensinya dalam mengenal **Rabb** yang sebenar yakni Allah SWT. Kegigihan Nabi Ibrahim dalam hal ini telah diabadikan melalui Firman Allah SWT di dalam Surah al-An'am ayat 74-79 yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) di waktu Ibrahim berkata kepada bapanya, Azar, "Patutkah kamu menjadikan berhala-berhala sebagai Tuhan-tuhan (sembahan)? Sesungguhnya Aku melihat kamu dan kaummu dalam kesesatan yang nyata.". Dan demikianlah Kami perlihatkan kepada Ibrahim tanda-tanda keagungan Kami yang terdapat di langit dan bumi. Kami memperlihatkan kepadanya agar dia termasuk orang yang yakin. Ketika malam telah gelap, dia melihat sebutir bintang lalu, dia berkata: "Inilah Tuhanku", tetapi tatkala bintang itu tenggelam dia berkata: "Saya tidak suka kepada yang tenggelam." Kemudian tatkala dia melihat bulan terbit dia berkata: "Inilah Tuhanku". Tetapi setelah bulan itu terbenam, dia berkata: "Sesungguhnya jika Tuhanku tidak memberi petunjuk kepadaku, pastilah aku termasuk orang yang sesat." Kemudian tatkala ia melihat matahari terbit, dia berkata: "Inilah Tuhanku, Ini yang lebih besar". Maka tatkala matahari itu terbenam, dia berkata: "Wahai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu persekutukan.”.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat Yang Dirahmati Allah

Kekuatan Modal Insan Nabi Ibrahim AS telah dimanfaatkan oleh Baginda untuk melakukan perubahan masyarakatnya ke arah masyarakat yang beriman, berilmu dan beramal. Inilah lambang penjanaan Modal Insan yang dipaparkan oleh Baginda, justeru dirujuk sebagai '**satu ummah**' oleh Al-Quran hasil perjuangan Baginda yang utuh dan mantap walaupun bersendirian berhadapan dengan kemungkaran dan amalan syirik kaumnya. Kemantapan iman keluarga Nabi Ibrahim AS telah diuji ke atas isteri Baginda, Siti Hajar AS yang sekian lama berjuang membesarkan anak tunggal secara bersendirian turut rela berkorban demi memastikan perintah Allah SWT dilaksanakan dengan sempurna. Ketaatan Nabi Ibrahim AS selanjutnya diuji dengan peristiwa kemuncak perintah Allah SWT untuk mengorbankan anaknya Nabi Ismail AS yang amat dikasihi yang baru meningkat usia remaja lalu digantikan dengan seekor kibas sebagai kemenangan. Al-Quran melakarkan kisah yang indah ini dalam ayat 101-106 Surah al-Saffat:

فَبَشِّرْنَاهُ بِعُلْمٍ حَلِيمٍ (101) فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يُبَيِّئُ لِي أَنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ
فَانظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا بَتِ أَعْلَىٰ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ (102) فَلَمَّا أَسْلَمَا
وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ (103) وَنَدَيْنَاهُ أَن يَا إِبْرَاهِيمُ (104) قَدْ صَدَّقْتَ الرُّعْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ
(105) إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ (106)

Maksudnya: "Maka kami beri dia khabar gembira dengan seorang anak yang amat sabar. Maka tatkala anak itu sampai (pada umur remaja, boleh bekerja) berusaha bersama-sama Ibrahim, Ibrahim berkata: "Wahai anakku Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu!" Ismail menjawab: "Wahai bapaku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya Allah kamu akan mendapatiku termasuk dalam kalangan orang yang sabar". Tatkala keduanya telah berserah diri kepada ketentuan Allah dan Ibrahim membaringkan anaknya atas pelipisnya, (maka setelah nyata kesabaran keduanya melaksanakan perintah Allah). Kami panggillah dia: "Wahai Ibrahim, sesungguhnya kamu telah membenarkan mimpi itu (kerana mimpi para Nabi adalah wahyu Allah) Sesungguhnya Demikianlah kami memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik. Sesungguhnya ini benar-benar suatu ujian yang nyata."

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat Yang Dirahmati Allah

Meskipun zaman terlalu jauh berubah, namun intipati kisah Nabi Ibrahim AS dan keluarga Baginda cukup memberi pengajaran bahawa iman dan ketaatan kepada Allah adalah sumber pembinaan Modal Insan yang unggul. Ia hendaklah bermula dengan penghayatan diri, dididik dan disuburkan dalam keluarga dan seterusnya disebarkan ke pelusuk masyarakat. Alangkah indahnya kehidupan ini apabila rumahtangga dibina di atas platform ketaatan kepada Allah SWT, anak-anak dididik mengikuti jejak Salafus Soleh serta ibubapa yang menjadi payung amalan Islami. Sesungguhnya pendekatan dakwah bijaksana yang telah diwarisi Nabi Ibrahim AS

seharusnya dihayati oleh warga ATM khasnya dan individu muslim amnya agar modal insan berteraskan iman dan ketaatan dapat dicetuskan. Semoga generasi anak-anak akan terhindar daripada kejahilan, kemaksiatan, kemungkar dan kesesatan yang jika tidak ditangani dengan hikmah dibimbangi generasi yang dilahirkan nanti adalah generasi yang jauh dari hidayah Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 132 yang berbunyi;

وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ بَنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ لَكُمْ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

Maksudnya; *“Dan Ibrahim telah mewasiatkan ucapan itu kepada anak-anaknya, begitu juga dilakukan kemudiannya oleh cucunya, Ya'qub. Ibrahim berkata: "Wahai anak-anaku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini bagi kamu, maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam".*

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat Yang Dirahmati Allah

Dalam pembinaan modal Insan yang terbilang, Ibadah Haji adalah tinggalan Nabi Ibrahim sebagai rukun Islam kelima. Kini, umat Islam seluruh dunia berkumpul di Tanah suci Mekah memenuhi tuntutan Ibadah tersebut. Semalam, orang-orang yang mengerjakan haji telah berwukuf di Padang Arafah, bermunajat dan bertaubat, seterusnya mereka berada di Mina melintasi bumi Muzdalifah yang telah dilintasi oleh para Rasul bagi melakukan ibadah Mabit. Pada waktu Duha ini, mereka melakukan lontaran anak-anak batu di Jamrah al-Kubra, bagi meneruskan amalan Nabi Ibrahim AS yang berlepas diri daripada bisikan syaitan laknatullah. Setelah itu mereka bercukur dan bergunting rambut tanda perjanjian meninggalkan dosa dan maksiat. Kemuncaknya mereka menyembelih binatang korban sebagai ibadah dan bukti sanggup berkorban apa sahaja demi menegakkan perintah Allah SWT. Setelah bermabit dan melontar, mereka akan melengkapkan ibadah haji mereka dengan tawaf dan saie di Baitullah Al-Haram bagi membuktikan cinta, kasih dan harapan yang tidak ada batasnya melainkan hanya kepada Allah SWT.

Intipati Ibadah Haji adalah pemurnian jiwa dengan akidah dan ketulusan mentaati Allah SWT. Hanya dengan jiwa yang tenang, bersih dan kudus akan memantapkan akidah dan jatidiri umat Islam yang pastinya menjayakan cita-cita untuk melahirkan modal insan yang cemerlang.

Sehubungan dengan itu, kita mengharapkan perjuangan dan pergorbanan warga ATM yang berkhidmat di Lubnan khususnya dan juga perajurit kita yang sedang bertungkus lumus berjuang di medan operasi sama ada di perbatasan belantara, angkasa dan samudera, semoga Allah SWT mengangkat pengorbanan mereka ini sebagai amal khair di sisiNya.

Oleh itu, marilah kita semua membulatkan tekad untuk mempraktikkan jejak perjuangan Nabi Ibrahim AS dan para anbiya' warisan Baginda dalam mewujudkan warga ATM yang cemerlang ke Angkatan Tentera yang terbilang. Ingatlah bahawa kita semua adalah pewaris ajaran Nabi Ibrahim AS dan Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT dalam ayat 127-128 Surah al-Baqarah:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (127)
 رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ
 الرَّحِيمُ (128)

Maksudnya; "Dan (ingatlah), ketika Ibrahim meninggikan (membina) dasar-dasar Baitullah bersama Ismail (seraya berdoa): "Wahai Tuhan kami terimalah daripada kami (amalan kami), Sesungguhnya Engkau yang Maha mendengar lagi Maha Mengetahui". Wahai Tuhan kami, jadikanlah kami berdua orang yang tunduk patuh kepada Engkau dan (jadikanlah) dalam kalangan antara anak cucu kami umat yang tunduk patuh kepada Engkau dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara dan tempat-tempat ibadat haji kami, dan terimalah Taubat kami. Sesungguhnya Engkau yang Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang".

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.